

02 OCT 2003

Nik Aziz-PAS

PAS PERALAT AGAMA BAGI CAPAI HASRAT PERJUANGANNYA - NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 2 Okt (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata PAS sengaja memeralatkan agama bagi mencapai hasrat perjuangan menegakkan Islam di negara ini.

Tindakan mempergunakan agama dalam perjuangan parti sebenarnya tidak salah malahan Nabi Muhammad S.A.W turut menggunakan kaedah yang sama semasa memperjuangkan Islam, kataya.

"Nabi Muhammad sendiri peralatkan agama dan kalau Nabi Muhammad peralatkan agama (maka) orang yang tidak peralatkan agama ini orang bodoh, orang salah dan orang sesat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan "Seminar Keperibadian Wanita Anggun" di sini hari ini.

Nik Aziz berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa PAS sengaja menggunakan agama bagi memancing undi rakyat Islam negara ini serta tidak ikhlas untuk menubuhkan negara Islam.

Nik Aziz berkata kaedah perjuangan Islam PAS di kalangan masyarakat negara ini konsisten iaitu melibatkan dua perkara -- pendidikan rohani (roh) dan jasmani (badan).

"Jadi selagi dunia ini menggunakan sekular (seperti) sekular Umno, sampai bila pun dunia tidak selamat kerana sekular ini hanya terlibat tubuh saja dan tidak melibatkan roh," katanya.

Nik Aziz berkata PAS sebenarnya hanya menjadi alat bagi mencapai perjuangan Islam yang unggul.

Ditanya mengenai laporan media hari ini bahawa tabiat merokok di kalangan wanita negara ini semakin meningkat, Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata perbuatan wanita itu sebagai "kerja gila".

Merokok tidak sewajarnya diamalkan oleh sesiapa termasuk lelaki kerana diakui oleh pakar perubatan tabiat itu boleh menimbulkan masalah kesihatan, katanya.

Beliau berkata merokok di kalangan wanita kononnya bagi menunjukkan wanita sama taraf dengan lelaki (seperti yang dilaporkan) juga tidak harus berlaku kerana wanita dan lelaki masing-masing dijadikan tuhan dengan kelebihan tersendiri.

"Perempuan patut bersyukur kerana dijadikan tuhan sebagai perempuan dan lelaki juga patut bersyukur jadi lelaki kerana masing-masing ada peranan.

"Perempuan yang nak jadi lelaki bermakna dia cuba untuk memusuhi Allah dan tabiat alam," katanya.

-- BERNAMA

RAR RON